



## جابتني أكادم إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1JLD2( 5 )

Tarikh: 16 Syaaban 1447  
4 Februari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>6 Februari 2026 / 18 Syaaban 1447</b>
<b>Tajuk</b>	<b>Kelebihan Surah al-Waqiah</b>

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

**KEPADА PЕНGERUSI JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS  
PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 6 FEBRUARI 2026  
PERKARA: *HEBAHAN PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ  
AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT MTQN PERAK, INTIM SESI 2026/2029***

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Sidang Jemaah yang dimuliakan. Di sini ada satu pengumuman, iaitu INTIM PERAK mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk menyambung pengajian di peringkat program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di MTQN Perak, INTIM selaku Lokasi Tambahan Darul Quran JAKIM (LTDQ).

Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di MTQN Perak ini telah mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (MQA/FA7510).

Tempoh pengajian yang ditawarkan adalah selama 3 tahun bersamaan 6 semester dan para pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan dianugerahkan Diploma Tahfiz Al-Quran wal Qiraat.

Calon yang berminat boleh membuat permohonan melalui Sistem MyDQ **bermula 02 Februari 2026 sehingga tarikh tutup permohonan pada 06 Mac 2026.**

Untuk makluman lanjut para-Jemaah boleh layari:

- 1) Facebook Rasmi Jabatan Agama Islam Perak; atau
- 2) Facebook Rasmi Institut Tadbiran Islam Perak; atau
- 3) Facebook Rasmi Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Negeri Perak.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "KELEBIHAN SURAH AL-WAQI'AH"

6 Februari 2026 / 18 Syaaban 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ<sup>1</sup>، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي لَهُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup>، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup>، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati llahi,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "KELEBIHAN SURAH AL-WAQI'AH"

Surah al-Waqi'ah diturunkan di Mekah, mengandungi 96 ayat, surah ke-56, juzuk ke-27, dalam al-Quran. Setiap surah al-Quran mempunyai kemukjizatan, begitu juga surah al-Waqi'ah. Sebuah *athar* sahabat yang diriwayatkan daripada Saidina Abdullah Ibnu Mas'ud RA ketika beliau hampir wafat:

قِيلَ لِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَوْصِ بَنَاتِكَ، فَقَالَ : أَمْرُهُنَّ أَنْ يَقْرَأْنَ سُورَةَ الْوَاقِعَةِ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ : مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْوَاقِعَةِ كُلَّ لَيْلَةٍ لَمْ تُصِبْهُ فَاقَةٌ أَبَدًا

Bermaksud: "Dikatakan kepada Abdullah bin Mas'ud: "Berilah wasiat tentang anak-anak perempuanmu." Beliau menjawab: "Aku telah memerintahkan mereka membaca Surah al-Waqi'ah, kerana aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang membaca Surah al-Waqi'ah setiap malam, dia tidak akan ditimpa kefakiran."

(Riwayat *al-Baihaqi*)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Meskipun hadis ini dinilai daif sanadnya oleh sebahagian ulama' hadis akan kelebihan amalan hadis berkaitan, namun para ulama' membenarkan beramal apatah lagi hadis ini tidak bercanggah dengan al-Quran atau hadis yang lain.

### **Jemaah yang dimuliakan**

Apabila kita membaca dan memahami ayat-ayat dalam surah al-Waqi'ah, Allah SWT tidak menyebut secara langsung tentang harta kekayaan dan bagaimana mendapatkannya, namun, surah ini mengandungi pelbagai ingatan keteguhan iman dan tawakal kepada Allah SWT. Mengapa surah ini begitu istimewa sehingga ada ulama' menyebutnya surah kekayaan?

**Pertama:** Allah SWT memulakan surah ini dengan peringatan yang sangat menggongang jiwa. Peringatan tentang hari kiamat. Firman Allah SWT:

﴿إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقْعَةُ ۝ لَيْسَ لِوَقْعَتِهَا كَاذِبٌ ۝﴾

Bermaksud: "Apabila berlaku hari kiamat, tidak ada sesiapa pun yang dapat mendustakan kejadiannya." (Surah al-Waqi'ah ayat 1 hingga 2)

Membaca dan mentadaburkan ayat ini, ummah akan menginsafi keadaan dahsyat hari kiamat yang pasti berlaku. Tiada siapa mampu menolaknya. Tiada siapa mampu melarikan diri daripadanya. Hari kiamat ialah permulaan alam akhirat, tempat terakhir bagi setiap manusia setelah berakhirnya alam dunia yang bersifat sementara.

**Kedua:** Surah al-Waqi'ah menjelaskan pembahagian manusia di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

﴿وَكُنْتُمْ أَزْوَاجًا ثَلَاثَةَ ۝ فَأَصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ مَا أَصْحَبُ الْمَيْمَنَةَ ۝ وَأَصْحَبُ الْمَشْمَعَةَ مَا أَصْحَبُ الْمَشْمَعَةَ ۝ وَالسَّبِقُونَ السَّبِقُونَ ۝﴾

(Surah al-Waqi'ah ayat 7 hingga 10)

Tiga golongan tersebut adalah:

1. Golongan *Ashabul Yamin* iaitu golongan kanan yang mendapat keselamatan, Golongan yang beriman dan beramal soleh di samping sentiasa bertaubat apabila melakukan dosa.



2. Golongan *Ashabul Shimal* iaitu golongan kiri yang menerima azab. Golongan yang kafir dan menolak pembalasan hari akhirat. Mereka leka dengan dunia dan melupakan Allah.
3. Golongan *as-Sabiqun* iaitu golongan yang beriman, terbaik dan paling hampir kepada Allah, mereka dijanjikan syurga yang penuh nikmat; merekalah orang yang akan mendahului (mendapat sebaik-baik balasan di akhirat kelak)

Membaca dan mentadaburkan ayat ini akan menggetarkan hati manusia yang beriman dan takut kepada Allah kerana berharap termasuk golongan *sabiqun* atau *yamin* dan bimbang termasuk golongan *syimal* yang diancam dengan azab yang pedih.

**Ketiga:** Bermula ayat 58 hingga ayat 73 surah al-Waqi'ah, Allah SWT mengingatkan kita tentang kekuasaan Allah atas segala sesuatu. Allah SWT mengingatkan bagaimana kita diciptakan dan bertanya apakah manusia yang mencipta atau Allah yang mencipta? Apakah manusia yang menumbuhkan tumbuhan atau Allah yang menumbuhkan? Apakah manusia yang menurunkan hujan atau Allah yang menurunkan? Apakah manusia yang menumbuhkan pohon kayu untuk menjadi api atau Allah yang menumbuhkan?

Menurut para ulama' bahasa al-Quran, pertanyaan Allah seumpama ini berupa pertanyaan yang memaksa pengakuan dan keinsafan. Pertanyaan yang menyedarkan kesombongan manusia, menyedarkan keterbatasan manusia dan membantalkan dakwaan kuasa manusia. Kesedaran ini melahirkan ummah yang kuat bertawakal kepada Allah SWT.

**Jemaah yang dikasihi,**

Surah al-Waqi'ah mengajar manusia bahawa rezeki, kekayaan, dan kesenangan berada di bawah kekuasaan Allah SWT yang Maha berkuasa memberi rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki dan menyempitkan siapa yang Dia kehendaki. Beramallah dengan surah al-Waqi'ah sebagai salah satu amal soleh agar Allah Yang Maha Memberi, mengurniakan rezeki yang kita harapkan.

Namun, rezeki bukan semata-mata berbentuk harta benda. Rezeki datang dalam pelbagai bentuk. Sabda Nabi SAW:

لَيْسَ الْغَنَىُ عَنْ كَثْرَةِ الْعَرْضِ، وَلَكِنَّ الْغَنَىُ عِنْ التَّقْسِيسِ

Bermaksud: Bukanlah kekayaan (hakiki) dengan banyak harta, tetapi (kekayaan sebenar) apabila kaya jiwa. (Hadis Riwayat Bukhari)

Imam *al-Nawawi* RH dalam Syarah Sahih Muslim menjelaskan: **عَنِ النَّفْسِ**

bermaksud jiwa yang reda dengan ketentuan Allah, *qana'ah* (berpada) dengan rezeki (yang halal), tidak rakus dan tidak tamak. Jiwa yang kaya menjadikan kita tenang walaupun memiliki harta yang sedikit. Kaya jiwa menjadikan kita bersyukur dan merasa cukup; secara hakikatnya meletakkan kita berkeadaan lebih kaya daripada orang tamak meskipun mereka memiliki harta yang banyak.

Rezeki dan kesenangan kadangkala berbentuk anugerah kesabaran ketika ditimpa musibah, ketenangan ketika orang lain dalam keresahan, sihat tubuh badan untuk hidup dan beribadat, serta anak-anak soleh yang menyajukan mata.

**Jemaah Rahimakumullah** Mimbar menyimpulkan tiga perkara:

**Pertama:** Pengajaran utama surah al-Waqi'ah, mengingatkan manusia tentang kepastian hari kiamat dan golongan manusia yang beruntung mendapat rahmat; demikian pula yang menanggung derita menerima azab Ilahi ketika melalui alam akhirat. **Kedua:** Surah al-Waqi'ah juga membetulkan tanggapan manusia tentang rezeki dan kekayaan. Berusaha dan mohonlah kepada Allah SWT kerana setiap sesuatu berada di bawah kekuasaan Nya. **Ketiga:** Beramallah membaca surah al-Waqi'ah setiap malam demi mendapat redha Ilahi, kerana Dia lah yang Maha Mencipta dan Dia tidak pernah melupakan kita. Dia yang Maha Memberi dan Dia tidak pernah mengecewakan kita. Dia yang Maha Pengasih dan Dia Maha Mendengar segala sesuatu permohonan dan rintihan hamba Nya. Semoga amalan-amalan ini membuka rezeki kita yang lebih luas.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى أَلِهٖ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكَتِي كَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْيَهَا الْدِينَ إِمَّا مُسْلِمُوْنَ إِمَّا مُسْكِنِيْنَ<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَنِيْنِيْمَ  
وَالْأَفْلَقَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّعْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!,** jadikan kami hamba-Mu yang sentiasa membaca al-Quran pada waktu siang dan malam; menekuni dan memahami isi kandungan al-Quran seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan. Golongkan kami sebagai kumpulan *Ashabul Yamin* dan *As-Sabiqun* seperti yang termaktub dalam surah al-Waqi'ah.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأَخْرَةِ حَسَنَةً وَفِي الْأَخْرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبُغْيَ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.